

12/06/2001

Terpulang kepada hakim: Dzaiddin

san Omar; Suzianah Jiffar

KUALA LUMPUR, Isnin - Ketua Hakim Negara, Tan Sri Mohamed Dzaiddin Abdullah, berkata terpulang kepada Hakim Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, Datuk Muhammad Kamil Awang, untuk mendedahkan identiti orang yang didakwa menelefonnya supaya membatalkan petisyen pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Likas.

Katanya, beliau tidak boleh mengarahkan Muhammad Kamil berbuat demikian kerana dakwaan itu adalah sebahagian daripada alasan penghakimannya ketika membenarkan petisyen pilihan raya itu.

"Bagi saya, terpulang kepada Muhammad Kamil sama ada ingin mendedahkan atau tidak pengenalan pemanggil itu. Saya tidak boleh mengarahkan beliau berbuat demikian kerana itu sebahagian daripada alasan penghakimannya," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Kenyataan dua perenggan itu diedarkan oleh Pegawai Khas I, Tengku Maimun Tuan Mat kepada pemberita yang menunggu Mohamed Dzaiddin di luar kamarnya di Bangunan Sultan Abdul Samad di sini.

Mohamed Dzaiddin berkata, dakwaan hakim itu bukan saja sebahagian alasan penghakimannya, tetapi juga satu dakwaan yang berat.

"Ia bukan menjadi amalan atau dasar kehakiman bagi Ketua Hakim Negara masuk campur dengan mengarahkan hakim bagaimana membuat keputusan atau menulis alasan penghakiman mereka," katanya.

Mohamed Dzaiddin berkata, beliau sudah membaca alasan penghakiman Muhammad Kamil dan mendapati ulasan yang dibuat oleh hakim itu adalah sebahagian daripada alasan penghakimannya.

Muhammad Kamil membuat ulasan itu dalam penghakimannya terhadap dua petisyen pilihan raya pada Jumaat lalu berhubung keputusan pilihan raya DUN Likas pada 1999 yang dimenangi oleh bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee.

Hakim itu mengisytiharkan pemilihan Yong dalam pilihan raya negeri pada 13 Mac 1999 adalah tidak sah dan terbatal selepas mendapati pengundi yang tidak wujud turut mengundi.

Dalam alasan penghakimannya, Muhammad Kamil berkata: "Pada pandangan saya ia adalah satu penghinaan kepada kebijaksanaan seseorang untuk diarah melalui telefon supaya petisyen itu dibatalkan tanpa perbincangan".

Semalam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim meminta Muhammad Kamil mendedahkan pengenalan orang yang mengarahkannya membatalkan petisyen pilihan raya itu.

Dr Rais dilaporkan berkata, hakim itu perlu menamakan pemanggil kerana jika beliau (Muhammad Kamil) tidak berbuat demikian, ia boleh memberi kesan buruk kepada institusi kehakiman.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika diminta mengulas perkara yang sama semalam berkata, adalah sukar bagi kerajaan untuk masuk campur dalam isu badan kehakiman kerana ia sebuah badan bebas dalam sistem pentadbiran negara.

Dr Mahathir dilaporkan berkata, jika kerajaan masuk campur dalam hal itu, ia akan dianggap sebagai campur tangan kerajaan dalam badan kehakiman.

Di KOTA KINABALU, Yong yang juga Presiden Parti Maju Sabah (SAPP), meminta Muhamad Kamil supaya mendedahkan identiti pemanggil telefon yang memintanya menggugurkan petisyen itu.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini, Yong meminta Muhammad Kamil supaya menjelaskan sama ada laporan sudah dibuat kepada pihak

berkuasa berhubung panggilan itu.

Beliau berkata, pendedahan hakim itu bahawa beliau diarah menerusi pemanggil supaya menolak petisyen berkenaan tanpa sebarang perbicaraan adalah sesuatu yang sangat mengejutkan.

"Sukacita saya menyatakan bahawa saya atau peguam saya tidak tahu menahu mengenainya (panggilan telefon) sehingga kami membaca keputusan penghakiman itu," katanya.

Di ALOR STAR, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin berkata, kenyataan Muhammad Kamil itu dianggap sebagai kenyataan politik, jika tindakan susulan tidak diambil.

Sehubungan itu, Muhammad Kamil perlu mendedahkan siapa yang membuat panggilan telefon berkenaan bagi membuktikan kenyataannya itu bukan bersifat kenyataan politik.

Beliau berkata, jika hakim terbabit tidak mendedahkan siapa yang membuat panggilan telefon itu, masyarakat mungkin menganggap kerajaan berada di sebalik tabir.

"Hakim itu perlu bertindak sekarang kerana jika tidak, Majlis Peguam atau DAP atau orang yang membenci kerajaan atau masyarakat mungkin menganggap kerajaan berada di belakang tabir," katanya.

Sementara itu, Majlis Peguam mahu siasatan terperinci dijalankan segera bagi mengenalpasti orang yang bertanggungjawab membuat panggilan telefon itu kerana ia jelas satu `arahan' yang bertujuan menghalang pelaksanaan undang-undang..

Presidennya, Mah Weng Kwai, berkata panggilan itu juga adalah satu usaha untuk menghalang hakim daripada menjalankan fungsi dan tugasnya yang boleh didakwa mengikut Seksyen 186 Kanun Keseksaan.

(END)